

21/10/1998

Jepun mungkin bantu beli bon

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO, Selasa - Jepun mungkin membeli sebahagian daripada bon RM60 bilion yang diperlukan bagi membiayai cadangan pelan pemulihan ekonomi Malaysia selain bantuan AS\$30 bilion (RM114 bilion) yang sudah dijanjikan olehnya, bagi negara serantau.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatan rasmi lima hari ke sini hari ini berkata, beliau sudah berbincang dengan pihak Jepun dan syarikat swasta negara ini bagi mendapatkan bantuan kewangan.

"Saya berbincang dengan syarikat-syarikat Jepun bagi mendapat beberapa dana daripada mereka. Kita juga berharap untuk menerbitkan bon bagi mendapat lebih banyak wang.

"Jepun sebenarnya amat bertimbang rasa serta faham masalah kami dan mereka ingin memberi bantuan," katanya pada sidang akhbar, yang dihadiri kira-kira 100 wartawan Jepun dan media antarabangsa, di sini.

Dalam lawatannya ke sini sejak Jumaat lalu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan tokoh korporat Jepun, yang mewakili Persekutuan Pertubuhan Ekonomi Jepun (Keidanren).

Sebelum ini, Duta Jepun ke Malaysia, Issei Nomura menyatakan Malaysia dijangka menerima AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) daripada pakej bantuan Jepun AS\$30 bilion untuk menstabilkan ekonomi Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura dan Korea Selatan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, mulanya Jepun mencadangkan pakej bantuan AS\$100 bilion (RM380 bilion) kepada lima negara itu tetapi dibantah Amerika Syarikat dan jumlah itu terpaksa dikurangkan kepada AS\$30 bilion

"Kita menghargai bantuan itu walaupun jumlah AS\$30 bilion adalah kecil. Saya rasa ia akan membantu ekonomi kita untuk pulih. Apabila pulih, kita akan kembali semula menjadi pasaran besar bagi Jepun. Ini juga akan memberi faedah kepada Jepun," katanya.

Menurut Perdana Menteri, apabila Malaysia mahu mendapatkan pinjaman asing sebelum ini, firma penarafan antarabangsa menurunkan penarafan mereka menyebabkan sukar membuat pinjaman pada kadar faedah munasabah. Kerana itu, Malaysia terpaksa beralih meminta bantuan Jepun.

Beliau berkata, kemiskinan negara yang terjejas oleh kegawatan ekonomi sekarang disebabkan kegiatan spekulasi pedagang mata wang serta tindakan memanipulasi dana lindung nilai.

"Banyak jumlah modal digerakkan di seluruh dunia yang sebenarnya tidak wujud. Kita tahu perniagaan mata wang adalah 20 kali lebih besar daripada jumlah dagangan dunia.

"Apa yang mereka lakukan ialah menggerak angka di layar komputer dan mencagarkan dana mereka 20 kali lebih besar. Kita mesti menguruskannya secara benar, bukan sesuatu yang maya. Dagangan mata wang adalah berbentuk maya.

"Tetapi kerosakan yang dilakukan kepada rakyat dan negara adalah sesuatu yang benar," katanya. Mengenai sebab Malaysia tidak menamatkan ringgit kepada yen apabila ia menetapkan mata wangnya kepada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika, Dr Mahathir menjelaskan ia kerana kira-kira 70 peratus perdagangan luar negara dilakukan dalam dolar Amerika, termasuk dengan Jepun.

Langkah Malaysia memperkenalkan dasar tukaran asing secara berpilih baru-baru ini adalah bagi memerdekakan sistem kewangan daripada pengaruh luar, terutama spekulator dan kegiatan dana lindung nilai.

Terdahulu itu, ketika berdialog pada seminar anjuran akhbar harian Mainichi Shimbun dan ditaja Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro), Perdana Menteri berkata tidak ada sebarang halangan bagi pelaburan asing di Malaysia dan pelabur masih boleh menghantar pulang keuntungan.

Menurutnya, dasar kawalan tukaran asing itu akan terus diamalkan selagi dunia tidak mengawal selia perdagangan mata wang.

(END)